

RUJ. KAMI (OUR REF.) :
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

UMP.02.01/10.12/2 JILID 4 (31)

 Ogos 2011

**Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 11 TAHUN 2011 : ARAHAN
MEWAJIBKAN CUTI REHAT PADA 02 SEPTEMBER 2011 (JUMAAT) KEPADA
STAF DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG SEMPERA HARI RAYA AIDILFITRI
1432H**

Dengan hormat saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Pengurusan Universiti telah bersetuju bahawa semua staf di Universiti Malaysia Pahang dikehendaki mengambil Cuti Rehat pada 02 September 2011 (Jumaat) sempena cuti Hari Raya Aidilfitri 1432H. Pelaksanaan Cuti Rehat wajib ini bagi mengelakkan pembaziran tenaga elektrik terutamanya penggunaan pendingin hawa, lampu dan sebagainya memandangkan staf yang tidak memohon cuti dan dijangka bekerja pada tarikh berkenaan adalah dalam jumlah yang kecil.
3. Sehubungan dengan itu, seluruh talian telefon Pusat Tanggungjawab (PTJ) pada hari tersebut akan dipusatkan ke Bahagian Keselamatan UMP (09-549 2515) untuk menjawab panggilan dan pertanyaan daripada pihak luar.
4. Bersama ini disertakan Pekeliling Pentadbiran Bilangan 11 Tahun 2011 berkenaan Arahan Mewajibkan Cuti Rehat Pada 02 September 2011 (Jumaat) Kepada Staf di Universiti Malaysia Pahang Sempena Hari Raya Aidilfitri 1432H untuk makluman dan tindakan pihak tuan/puan selanjutnya.
5. Kerjasama daripada pihak tuan/puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang Menjalankan Tugas,


(HJ. MUSTAFA BIN IBRAHIM
Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

RUJ. KAMI (OUR REF.) :
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

UMP.02.01/10.12/2 JILID 4 (30)

26 Ogos 2011

PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 11 TAHUN 2011

ARAHAN MEWAJIBKAN CUTI REHAT PADA 02 SEPTEMBER 2011 (JUMAAT) KEPADA STAF DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 1432H

Adalah dimaklumkan bahawa pihak Pengurusan Universiti telah bersetuju bahawa semua staf di Universiti Malaysia Pahang dikehendaki mengambil Cuti Rehat pada 02 September 2011 (Jumaat) sempena cuti Hari Raya Aidilfitri 1432H. Pelaksanaan Cuti Rehat wajib ini bagi mengelakkan pembaziran tenaga elektrik terutamanya penggunaan pendingin hawa, lampu dan sebagainya memandangkan staf yang tidak memohon cuti dan dijangka bekerja pada tarikh berkenaan adalah dalam jumlah yang kecil.

Sehubungan dengan itu, semua **staf diwajibkan mengambil Cuti Rehat pada 02 September 2011 (Jumaat)** dan cuti tersebut akan diambil kira daripada kelayakan Cuti Rehat Tahunan yang diperolehi pada tahun semasa dan proses permohonan cuti ini adalah seperti proses permohonan Cuti Rehat yang biasa iaitu permohonan dibuat melalui *e-community*.

Walau bagaimanapun, staf yang menjalankan tugas-tugas berkaitan keselamatan Universiti ataupun staf yang diarahkan bertugas pada waktu berkenaan oleh ketua jabatan di atas faktor-faktor kepentingan Universiti, diberi pengecualian daripada diwajibkan mengambil Cuti Rehat pada 02 September 2011 (Jumaat).

Berikutan semua staf diarahkan mengambil Cuti Rehat pada 02 September 2011 (Jumaat), seluruh talian telefon Pusat Tanggungjawab (PTJ) pada hari tersebut akan dipusatkan ke Bahagian Keselamatan UMP (09-549 2515) untuk menjawab panggilan dan pertanyaan daripada pihak luar.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang Benar,


(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)

Pendaftar

Universiti Malaysia Pahang

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)